

SUARA



PERSATUAN
PENOLONG
PEGAWAI
FARMASI
MALAYSIA

PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

PP 9499/07/2013(033003)

NO PENDAFTARAN : 1717

2018



' BERSATU DEMI PROFESION PENOLONG PEGAWAI FARMASI YANG TERCINTA '

**PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
&
KESATUAN KEBANGSAAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI
KERAJAAN MALAYSIA BARAT**

" SEPAKAT MENCAPAI HASRAT "

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG	: En.Mhd Hasan Zaini bin Shafie
SETIAUSAHA	: Cik Shafizah binti Jaamat
EDITOR	: Puan Samidah binti Rahmat
SIDANG PENGARANG	: Puan Hajah Siti Hanisah binti Md.Said En Mohd Fikhri bin Abdullah Tuan Haji Mohamad Razan bin Pardi En. Asrul Effendi bin Jamaludin

SENARAI AHLI MAJLIS DAN JURUAUDIT KEHORMAT PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA SESSI 2017 - 2019

PENASIHAT	: Tuan Haji Sulaiman bin Harun Pengasas Persatuan Pen. Peg.Farmasi Malaysia & Pesara Penolong Pegawai Farmasi U38
YANG DIPERTUA	: Puan Samidah binti Rahmat Pesara Penolong Pegawai Farmasi U40
NAIB YANG DIPERTUA	: En.Mhd Hasan Zaini bin Shafie Pesara Penolong Pegawai Farmasi U40
SETIAUSAHA KEHORMAT	: Tuan Haini Mohd Razan bin Pardi Klinik Kesihatan Yong Peng, Batu Pahat, Johor
PEN. SETIAUSAHA KEHORMAT	: Cik Shafizah binti Jaamat Hospital Melaka, Melaka
BENDAHARI KEHORMAT	: En. Asrul Effendi bin Jamaludin Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras, Kuala Lumpur
AHLI-AHLI	: -En. Suhaimi Esa Hospital USM, Kubang Kerian, Kelantan - Tuan Haji Mohd Faiz Nor bin Zaman Hospital Raja Perempuan Bainon, Ipoh, Perak - Puan Siti Hanisah binti Md.Said KPJ Johor Specialist Hospital - En Mohd Fikhri bin Abdullah Pusat Perubatan UM, Kuala Lumpur
JURUAUDIT KEHORMAT	: - Rosnah Muhammad Hospital Melaka, Melaka - En Rosmizi bin Razali Klinik Kesihatan Simpang Durian, Jejebu, Negeri Sembilan

IBU PEJABAT PERSATUAN

IBUPEJABAT PERSATUAN

Setiausaha Kehormat,
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia,
D/A : No 6 Jalan Berlian 3, Taman Berlian,
83700 Yong Peng, Johor.

DITERBITKAN OLEH:

Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia
No. Pendaftaran : 1717

DICETAK OLEH :

CETAK BERJAYA
13 Jalan 6, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

M/ SURAT

1. Dari Meja Ketua Sidang Pengarang	1
2. Kata Aluan YDP Persatuan PPPFM	2
3. Ahli Majlis Persatuan PPFM (2017 – 2019)	3
4. Wakil Negeri Persatuan PPFM (2017 - 2019)	4

LAPORAN AKTIVITI

5. Persidangan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia Kali Ke - 11 2017	5-7
6. Laporan AGM PPF Sessi 2017 – 2019	8-10
7. Kejohanan Tenpin Boling Piala YDP 2018	11-14
8. Laporan Lab Pemurnian Resolusi dan Hala Tuju Pembangunan Profesion Penolong Pegawai Farmasi	15-17

ARTIKEL & RENCANA

9. Combating Antimicrobial Resistance	18-21
10. Makanan Bukan Sekadar Nilai Pemakanan	22
11. Kemurungan Dalam Masyarakat	23-24

DIKEHENDAKI

KEPADA :

SEMUA PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

**Pihak PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI
MALAYSIA**, menjemput anda untuk menyumbangkan
sebarang bentuk karya seperti :

- Artikel / rencana
- Berita bergambar / kursus
- Selingan / sajak
- Lawatan sambil bekerja diluar Negara

Setiap sumbangan yang **diterbitkan / disiarkan** didalam
majalah, akan menerima **IMBUHAN SAGUHATI**.
Alamatkan karya anda kepada:

Ketua Sidang Pengarang
SUARA Penolong Pegawai Farmasi
No 2, Lorong 14, Taman Sri Wang, Fasa 2,
02600 Arau, Perlis.

Email : mz229184@gmail.com @
asrul@ppakm.ukm.edu.my

DARI MEJA KETUA SIDANG PENGARANG

Assalamualaikum kepada semua rakan-rakan Penolong Pegawai Farmasi dimana saja anda berada, sama ada yang masih berkhidmat atau yang telah meninggalkan profesion yang kita sayangi ini. Kepada yang masih bertugas berilah perkhidmatan yang terbaik demi Allah dan Negara kita tercinta. Kepada yang telah bersara sumbangan anda masih diperlukan untuk memartabatkan profesyen Penolong Pegawai Farmasi sejajar dengan paramedik lain.

Syukur kehadiran Illahi kerana dengan usaha semua ahli majlis yang baru dilantik bagi sesi 2017 - 2019 semasa Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia di Kangar, Perlis pada 23 hb September 2017. Sehingga ke saat ini, Persatuan masih dapat mengeluarkan majalah SUARA PENOLONG PEGAWAI FARMASI untuk bacaan dan tatapan semua.

Namun begitu kami mengharapkan sumbangan artikel dari anda semua untuk penerbitan yang akan datang. InsyaAllah dengan komitmen yang diberikan oleh semua Sidang Pengarang dan sumbangan artikel dari anda SUARA PENOLONG PEGAWAI FARMASI akan terus diterbitkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Kita masih menunggu AKTA FARMASI (RUUF) yang masih belum dapat direalisasikan pada masa kini.

Adalah diharapkan lebih ramai Penolong Pegawai Farmasi dari Kementerian Kesihatan Malaysia, Badan Berkanun dan Swasta dapat menyertai persatuan dengan menjadi ahli yang sah sejajar dengan usaha (road show) yang dijalankan oleh Ahli Majlis bersama wakil-wakil negeri.

Dengan mempunyai ahli persatuan yang ramai dan Persatuan akan menjadi lebih mantap dan dapat bergerak aktif bagi meneruskan perjuangan dalam memartabatkan profesyen Penolong Pegawai Farmasi.

Sekian, Wassalam.

***En Mhd Hassan Zaini bin Shafei
Ketua Sidang Pengarang.
25 Disember 2018***

KATA-KATA ALUAN



**SAMIDAH BINTI RAHMAT
YANG DIPERTUA
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
SESSI 2017 - 2019**

Assalammualaikum dan Salam Sejahtera

Dengan izin Nya saya menemui anda di halaman muka majalah SUARA Penolong Pegawai Farmasi 2018 ini dengan harapan anda semua berada dimana sahaja ketika ini dalam keadaan sihat dan ceria penuh dedikasi disamping menjalankan tugas di tempat kerja serta menjalani kehidupan seharian disamping keluarga.

Semakin maju cara kita menghadapi kehidupan masa kini, kita sentiasa berdepan dengan cabaran yang hebat. Bila kita leka atau ambil mudah kita akan ketinggalan dan mungkin satu hari nanti kita dilupakan.

Didalam majalah ini aktiviti persatuan berjalan dengan aktif dan meriah dimana keterlibatan anda sangat menggalakkan. Sokongan bukan sahaja dikalangan PPF/PA tetapi juga turut disertai oleh kawan-kawan dari kalangan warga Farmasi. Saya bagi pihak Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia sangat-sangat menghargai sokongan anda semua.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin mengingatkan anda semua untuk tampil dengan berani bagi menghadapi cabaran revolusi industri 4.0 yang sedang hebat digiatkan dari pendidikan sekolah rendah, kolej dan universiti. Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia yang bersifat akademik akan sentiasa seiring untuk membantu anda menambah ilmu dan kemahiran berfikir secara tidak langsung.

Rebutlah peluang untuk menambah ilmu dengan pendidikan jarak jauh, kursus Post Basik, kursus Diploma Lanjutan dan pembelajaran berterusan dengan usaha sendiri bagi merebut peluang menjadi PPF/PA yang tidak tersisih dengan arus revolusi industri 4.0 dalam menjana pekerja berilmu dan berkemahiran yang boleh diaplikasikan ditempat bertugas masing-masing.

Semoga anda semua sentiasa berfikiran positif, kreatif, kuat emosi dan berdaya maju dalam meningkatkan kompetensi diri bagi memantapkan pengukuhan profesion Penolong Pegawai Farmasi / Pharmacy Assistant di Malaysia. Anda juga boleh menjadikan PPPFM sebagai platform untuk selangkah ke hadapan.

Selamat Majujaya.

“SEPAKAT MENCAPAI HASRAT”



**AHLI MAJLIS DAN JURU ODIT KEHORMAT
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
SESSI 2017 – 2019**

- Penasihat** : **Tuan Haji Sulaiman bin Harun**
Pengasas Persatuan PPF Malaysia &
Mantan Bendahari Kehormat
- Yang Dipertua** : **Puan Samidah binti Rahmat**
Pesara PPF U40 Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor.
- Naib Yang Dipertua** : **En Mhd Hassan Zaini bin Shafie**
Pesara PPF U40 Hospital Tuanku Fauziah, Perlis
- Setiausaha Kehormat** : **Haji Mohamad Razan bin Pardi**
Klinik Kesihatan Yong Peng, Batu Pahat, Johor.
- Penolong Setiausaha Kehormat** : **Cik Shafizah binti Jaamat**
Hospital Melaka, Melaka
- Bendahari Kehormat** : **En. Asrul Effendi bin Jamaludin**
Hospital Canselor Tuanku Muhriz , Cheras, Kuala Lumpur.
- Ahli-Ahli** : **En.Suhaimi bin Esa**
Hospital USM, Kubang Kerian, Kelantan
- Pn.Siti Hanisah binti Md.Said**
Hospital Pakar KPJ Johor Bahru, Johor.
- Tuan Haji Mohd Nor Faiz bin Zaman**
Hospital Raja Perempuan Bainon, Ipoh, Perak
- En Mohd Fikri bin Abdullah**
Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Juru Odit Kehormat** : **En Rosmizi bin Razali**
Klinik Kesihatan Simpang Durian, Jelebu, Negeri Sembilan
- Pn Hjh Rosnah binti Muhammad**
Hospital Melaka, Melaka.



**WAKIL - WAKIL NEGERI
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
SESSI 2017 – 2019**

PERLIS INDRA KAYANGAN

En Mhd Hassan Zaini bin Shafe
Pesara PPF U40
Hospital Tuanku Fauziah, Perlis

KEDAH DARUL AMAN

En Sobitng Matanggal
Hospital Sungai Petani, Kedah

PULAU PINANG

En Leong Chek Choong
Hospital Seberang Jaya, Pulau pinang.

PERAK DARUL RIDZUAN

Tn Hj Mohd Nor Faiz bin Zaman
Hosp. Raja Perempuan Bainon, Ipoh, Perak.

SELANGOR DARUL EHSAN

Pn Zaila bt Mohd Zahibi
Hospital Sungai Buloh, Selangor

KUALA LUMPUR

Pn Hayati bt Zainal Abidin
Hospital Kuala Lumpur

PUTRAJAYA

Pn Hajah Maisara bt Alias
Klinik Kesihatan Putrajaya, Persint 9, Putrajaya

MELAKA

Pn Hajah Rosnah bt Muhammad
Hospital Melaka, Melaka

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

En. Rusmizi b Razali
Klinik Kesihatan Simpang Durian,
Negeri Sembilan

WAKIL HUSM

En. Suhaimi bin Esa
Hospital USM, Kelantan.

WAKIL PPUM

En. Mohd Fikri bin Abdullah
Pusat Perubatan Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

JKWP KUALA LUMPUR

Pn Munira bt Mohd Faidz
Hospital Wanita dan Kanak-kanak,
Kuala Lumpur

JOHOR DARUL TAKZIM

Tn Hj Mohamad Razan bin Pardi
KK Yong Peng, Batu Pahat, Johor.

PAHANG DARUL MAKMUR

Pn. Hjh. NorAkhna bt Musa (1125)
Hospital Muadzam Shah, Muadzam,
Pahang

TERENGGANU DARUL IMAN

En Mohd Ikhwan bin Kamarudin
KK Telemong, Kuala Terengganu, Terengganu.

KELANTAN DARUL NAIM

Pn Malinda bt Mohd Zaini
Hospital Tanah Merah, Kelantan

SARAWAK

Tn Hj Hamid bin Majenin
Hospital Umum, Kuching, Sarawak

SABAH

Pn Juriah bt Wakidi
Hospital Queen Elizabeth,
Kota Kinabalu, Sabah.

AGENSI NON-KKM

En Aaron Thomas
Island Hospital Specialist, Pulau Pinang.

WAKIL KPJ / NON KKM JOHOR

Hjh Siti Hanisah bt Md Said
KPJ Specialist, Johor Bahru, Johor.

WAKIL PPUKM

En. Asrul Effendi bin Jamaludin
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Cheras, Kuala Lumpur

*LAPORAN PERSIDANGAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
KALI KE 11 2017
ANJURAN PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI
DENGAN KERJASAMA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI KKM*

Tempat : Hotel Rosa Passadena Cemeron Highlands Pahang

Tarikh : 8 – 10 September 2017

PENDAHULUAN:

Persidangan kali ini ialah merupakan persidangan kali ke - 11. Pada persidangan ini pihak urusetia menasarkkan penyertaan seramai 150 orang iaitu terdiri daripada 80 orang Penolong Pegawai Farmasi dari Kementerian Kesihatan Malaysia serta 70 orang dari agensi bukan KKM dan swasta. Penganjuran persidangan ini telah mendapat persetujuan Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM melalui surat: KKM 500-5/5/18(9)Jld.2 bertarikh 31.7.2017

TEMA:

Ke Arah Kecemerlangan Profesion Penolong Pegawai Farmasi.

OBJEKTIF:

- Mendedahkan setiap peserta kepada amalan kepentingan kerja berpasukan, mengutamakan kehendak pelanggan dan memahami prinsip-prinsip pelaksanaan berlandaskan integriti, tugas mengikut prosedur dan tatacara jabatan demi memperkasakan Jabatan Farmasi.
- Mewujudkan budaya kerja yang tidak tersisih dari arus perkembangan farmasi masa kini kepada Penolong Pegawai Farmasi.
- Menyediakan Penolong Pegawai Farmasi yang berpengetahuan tinggi sealiran dengan perkembangan farmasi masa kini.

Pada sesi suaikenal (Ice breaking) ianya dimulakan dengan pengenalan diri oleh Ahli Jawatan Kuasa Penganjur diikuti dengan pengenalan diri oleh semua peserta. Selepas itu disusuli dengan pemilihan Penghulu dan Penghuluwati persidangan sebagaimana berikut:

- **PENGHULU** : Andrew A/K Rosely
PPF Hospital Angkatan Tentera Lumut, Perak.
- **PENGHULUWATI** : Siti Azmila Binti Jamal
PPF Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, KL

PENYERTAAN:

Penyertaan pada kali ini terdiri dari 121 penyertaan peserta iaitu 53 orang dari agensi Kementerian Kesihatan Malaysia dan 68 orang dari agensi Non KKM (Badan Berkanun & Swasta)

NEGERI	PENYERTAAN
Kelantan	3 orang
Terengganu	3 orang
Pahang	8 orang
Perlis	1 orang
Kedah	2 orang
Melaka	4 orang
N.Sembilan	5 orang
Johor	6 orang
Selangor & BPF KKM	7 orang
WP Putrajaya	2 orang
WP Kuala Lumpur	3 orang
Sabah	5 orang
Sarawak	2 orang
Pulau Pinang	2 orang
JUMLAH	53 orang

TENTATIF PERSIDANGAN :

TARIKH/ MASA	PENCERAMAH	TAJUK CERAMAH
09 September 2017 9.15am – 10.30am	Dr.Zalina Zahari Univ.Sultan Zainal Abidin, Terengganu	Pengenalan kepada Farmasi Klinikal
09 September 2017 11.15am-12.45pm	En.Mohd Zamri Omar Sr.Manager Pharmaniaga Sdn. Bhd.	Asthma patient with Allergic Rhinitis
09 September 2017 2.00pm-3.30pm	En. Affandi Rajni Khan KPP (Sumber Manusia) Hosp. Sultanah Bahiyah	Pengurusan Konflik ditempat kerja
09 September 2017 3.30pm-5.00pm	Prof.Mohd Baidi Bahari Mantan TNC AIMST Universiti,Bedong	TPN: Calculation & Compounding
10 September 2017 8.15am-9.45am	Pn.Norjanah Jamari Pengarah Yayasan Nurul Yaqim,Wangsa Maju	Keseronokan bekerja
10 September 2017 9.45am-10.45am	Hj.Abu Bakar Ibrahim Ketua Profesion PPF Bhg.Perkhidmatan Farmasi	Tranformasi Profesion Penolong Pegawai Farmasi: Peranan persatuan dan ahli

Penyertaan dari Hospital bukan KKM dan Swasta adalah seperti berikut:

NAMA HOSPITAL	PENYERTAAN
Hospital Pakar PRKMUIP, Kuantan	2 orang
Metro Specialist Hospital	2 orang
Loh Guan Lye Specialist Centre	2 orang
DEMC Specialist Hospital, Shah Alam	2 orang
Hospital Pakar An-Nur Hasanah, Bangi	2 orang
Pantai Medical Centre, Jln Bukit Pantai	2 orang
Tung Shin Hospital, Jalan Pudu	2 orang
Hospital Pusrawi, Jln Tun Razak	2 orang
Regency Specialist Hospital, Johor Bahru	3 orang
Columbia Asia Hospital Setapak	1 orang
Columbia Asia Hospital Iskandar Puteri	1 orang
Columbia Asia Hospital Seremban	1 orang
Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC)	2 orang
KPJ Seremban Specialist Hospital	2 orang
Mawar Medical Centre, Seremban	2 orang
Hospital Angkatan Tentera	4 orang
Sri Kota Specialist Medical	2 orang
JUMLAH	34 orang

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPERNA PERASMIAN DAN MAJLIS PENUTUP PERSIDANGAN:

1. Majlis makan malam sempena perasmian persidangan telah diadakan pada jam 7.45 – 11.00 malam pada 10 September 2017
2. Perasmian persidangan telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Dr.Kamaruzaman Salleh, Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM mewakili Pengarah Kanan Bhg.Perkhidmatan Farmasi KKM yang tidak dapat hadir kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan.
3. Majlis makan malam dan perasmian dimeriahkan dengan cabutan bertuah, hadiah misteri dan nyanyian dari peserta persidangan
4. Majlis penutup persidangan dan penyampaian sijil kepada peserta dan urusetia disempurnakan oleh Tuan Haji Abu Bakar Ibrahim, Ketua Profesion Penolong Pegawai Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM pada jam 12.00 – 12.45 petang pada 10 September 2017.

LAPORAN MESYUARAT AGONG DWI-TAHUNAN PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA SESSI 2017 - 2019

Asalamualaikum & Salam Sejahtera kepada semua ahli Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia.

Dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah Taala, Mesyuarat Agong Dwi-Tahunan Persatuan Penolong Pegawai Malaysia sesi 2017-2019 telah berjaya dianjurkan dengan jayanya di Kangar, Perlis pada 22 - 23 September 2017. Pengerusi penaja mesyuarat agong pada kali ini ialah wakil Negeri Perlis Persatuan PPFM dengan kerjasama Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia.

Mesyuarat Agong Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia Sessi 2017 -2019 telah diadakan di Hotel Putra Regency, Kangar, Perlis dan telah dihadiri seramai 85 orang Penolong Pegawai Farmasi dari seluruh Malaysia. Disamping menghadiri AGM, para peserta yang hadir dapat mengambil kesempatan bersama rakan-rakan dan keluarga mereka untuk melancong dan membeli-belah.

Pada mesyuarat agong kali ini, seramai 16 orang Penolong Pegawai Farmasi dari Semenanjung dan Sarawak telah menghantar borang pencalonan untuk jawatan Ahli Majlis dan 3 orang Penolong Pegawai Farmasi untuk calon jawatan Juruaudit.



Pengisian Mesyuarat Agong kali ini bermula dengan Majlis Makan Malam dan Perasmian, yang telah disempurnakan oleh Dr. Salmah Bahri, Ketua Pengarah Kanan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Para hadirin juga telah dihiburkan dengan persembahan tarian daripada kakitangan Hospital Tuanku Fauziah dan nyanyian - nyanyian daripada para peserta majlis makan malam tersebut. Sambil menikmati juadah yang disediakan, majlis makan malam diselang-selikan juga dengan acara cabutan bertuah.





Pada keesokan harinya bermulalah Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia Sessi 2017 - 2019. Pada pagi 23 September 2017, mesyuarat dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan kemudiannya bacaan doa bagi memberkati majlis , daripada En Suhaimi bin Esa.

Agenda seterusnya adalah membuat lantikan pengira undi seramai 5 orang. Semasa kesemua undi - undi sedang dikira , satu CPE telah disampaikan oleh **Tuan Haji Mohd Norfaiz bin Zaman** yang bertajuk **Rombongan Perubatan Haji (Satu Ibadah, Tanggungjawab, Cabaran)** selama satu setengah jam.

Selepas rehat dan minum pagi, mesyuarat dimulakan dengan pembentangan laporan aktiviti PPPFM 2015 – 2017. Seterusnya selepas habis pembentangan laporan , kesemua Ahli Majlis PPPFM sesi 2015 – 2017 meletakkan jawatan dan secara automatiknya Majlis Tertinggi PPPFM dibubarkan.

Pada sebelah petang , setelah kiraan undi telah siap dijumlahkan, pengerusi sementara AGM membacakan hasil kiraan undi.

**KEPUTUSAN PEMILIHAN AHLI MAJLIS
SESSI 2017 -2019**

NO	NAMA CALON
1	EN ASRUL EFFENDI JAMALUDIN
2	TUAN HAJI MOHAMAD RAZAN PARDI
3	TUAN HAJI ABDUL RAHIM ABDULLAH
4	EN SUHAIMI ESA
5	TUAN HAJI MOHD NORFAIZ ZAMAN
6	PN SAMIDAH RAHMAT
7	EN MHD HASSAN ZAINI SHAFIE
8	EN MOHD FIKHRI ABDULLAH
9	PN HAJAH SITI HANISAH MD. SAID
10	CIK NOOR SHAFIZAH JAAMAT
11	EN AHMAD FARIZ AZMI
12	PN HAJAH HANISAH DURAIBI
13	PN HAJAH NOR AKNA MUSA
14	EN GANESAN A/L G. NARAYANAN
15	TUAN HAJI ROSLAN OMAR
16	EN MAHADZIR SAAD

**No 1 – 10 telah terpilih sebagai
Ahli Majlis**

**Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia
Sessi 2017 - 2019**

**KEPUTUSAN PEMILIHAN JURUAUDIT
SESI 2017 - 2019**

NO	NAMA CALON
17	PN HAJAH ROSNAH MUHAMMAD
18	EN ROSMIZI RAZALI
19	MOHAMAD ZAINUDDIN MOHD RASHID

**No 17 – 18 telah terpilih sebagai
Juruaudit
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia
Sessi 2017 - 2019**



Kepada yang tidak terpilih tak semestinya kalah, terdapat banyak hikmah yang tersembunyi, manakala yang menang pula tak perlu bermegah kerana banyak tugas serta tanggungjawab perlu digalas dan dilaksanakan.



Terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Salmah binti Bahri, Pengarah Kanan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia kerana sudi hadir untuk merasmikan Mesyuarat Agong Dwi-tahunan Sessi 2017 – 2019 .

Juga tidak dilupakan kepada mantan – mantan Ahli Majlis yang selama ini telah banyak memperjuangkan dan memartabatkan profesion Penolong Pegawai Farmasi , tidak lupa juga kepada semua barisan Urusetia, Ahli Majlis Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia dan semua ahli Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia yang telah memberi mandat kepada wakil Negeri Perlis dalam menjayakan Mesyuarat Agong pada kali ini. Mesyuarat Agong Persatuan Penolong Pegawai Farmasi sesi 2017 - 2019 ditangguhkan sehingga ke Mesyuarat Agong Dwi-Tahunan Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia yang akan datang.

Sekian, terima kasih
(SEPAKAT MENCAPAI HASRAT)

**LAPORAN KEJOHANAN TENIS BOLA
Piala YDP 2018
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA**

1. TEMPAT & TARIKH KEJOHANAN:

Tempat : Wangsa Bowl , IOI CITY , Putrajaya
Tarikh : 24 Februari 2018(Sabtu)

2. PENGANJUR : JKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kerjasama
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia

3. LATARBELAKANG:

3.1 Kehadiran peserta:

Penolong Pegawai Farmasi yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Universiti, Hospital swasta dan lain-lain kementerian seramai 64 orang.

3.2 Bayaran sepasukan & Hadiah Kejohanan :

Bayaran untuk setiap pasukan adalah sebagaimana berikut : RM 150/ sepasukan

Hadiah : Piala Pusingan Kejohanan, Medal, Wang Tunai dan hamper.

3.3 Objektif Penganjuran :

a) Matlamat program ini adalah untuk memberi peluang kepada semua PPF merapatkan talian persaudaraan. Pertandingan ini bertujuan untuk menjadi satu platform kepada semua PPF untuk berkenalan antara satu sama lain disamping dapat menghilangkan stress semasa bekerja.

b) Aktiviti seperti ini juga dapat membina proses sosialisasi, keyakinan diri dan motivasi kepada mereka. Pertandingan dalam kejohanan ini bukan semata-mata mencari siapa pemenang tetapi memberikan ruang kepada semua PPF untuk berinteraksi sesama mereka, menilai pengurusan diri dan keupayaan mereka dalam sukan.

4. PENUBUHAN JAWATANKUASA:

PENASIHAT : Puan Samidah Rahmat
PENGERUSI : Tuan Haji Mohd Norfaiz Zaman
SETIAUSAHA : Puan Hajah Hanisah Duraibi
BENDAHARI : En. Asrul Effendi Jamaludin

AJK :

- 1) Pendaftaran & Hadiah : En Azhar Ahmad & Wan Mohamad Hanif bin Shukri
- 2) Protokol & Sambutan : Puan Hajah Maisarah bt Alias
- 3) Teknikal & Peralatan : En Mohd Khairul Aniuar bin Md Din
- 4) Sijil : En Asrul Effendi Jamaludin

5. TETAMU VIP @ KEHORMAT:

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **Puan Samidah Rahmat**, Yang DiPertua, Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia pada jam 9.30 pagi .

6. ATUCARA KEJOHANAN :

MASA	PERKARA
9.00 am – 9.30 am	DAFTAR MASUK
9.30 am – 10.00am	- UCAPAN PENERUSI PENGANJUR - UCAPAN PERASMIAN & MAJLIS PERASMIAN
10.00 am – 12.30 pm	KEJOHANAN BERMULA
12.30 pm – 1.00 pm	MAJLIS PENUTUP & PENYAMPAIAN HADIAH
1.00 pm	BERSURAI

7. HURAIAN KEJOHANAN

Kejohanan dibuka pada pukul 9.00 pagi dengan membuka sesi pendaftaran peserta kejohanan. Kejohanan Tenpin Bowling PPF 2018 pada kali ini melibatkan 16 pasukan yang bertanding, iaitu seramai 64 orang yang dapat turut serta.

Pada pukul 9.30 pagi , upacara perasmian telah dijalankan dengan dimulakan dengan ucapan daripada Yang Dipertua , Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia dan seterusnya membuat 1 lontaran perasmian kejohanan. Pukul 10.00 pagi kejohanan telah dimulakan, setiap pasukan yang terdiri daripada Penolong Pegawai Farmasi dan juga Pegawai Farmasi telah memberi saingan yang sengit diantara satu sama lain. Pelbagai gelagat peserta dapat diperhatikan samaada semasa 'strike' semua ataupun semasa bola masuk longkang.

Pada pukul 12.30 tengahari , upacara penyampaian hadiah telah dijalankan. Majlis penyampaian hadiah dan majlis penutupan kejohanan telah disempurnakan oleh Puan Samidah Rahmat.

Berikut merupakan keputusan Kejohanan Tenpin Bowling PPF 2018 pada kali ini.

8. KEPUTUSAN KEJOHANAN TENPIN BOLING PPF 2018

PEMAIN LELAKI TERBAIK : SAIFUL NIZAM FARREL
JATUHAN PIN : 537

PEMAIN WANITA TERBAIK : SITI HAWA HUSSIN
JATUHAN PIN : 465

JUARA : CHAMP IX (HUKM)
JATUHAN PIN : 1831

NAIB JUARA : JULIA ISABELLA
JATUHAN PIN : 1606

TEMPAT KETIGA : SANG KIJANG
JATUHAN PIN : 1492

TEMPAT KEEMPAT : HTAR
JATUHAN PIN : 1456

TEMPAT KELIMA : HOSPITAL PUTRAJAYA
JATUHAN PIN : 1439

9. PENUTUP

Pihak penganjur amat bersyukur kerana program yang dirancang telah dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektifnya. Pihak penganjur ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan yang menang dan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Yang Dipertua Persatuan PPF Malaysia terutamanya dan juga kepada semua yang telah sama-sama memberi sokongan dalam menjayakan kejohanan ini. Pihak penganjur juga ingin memohon kemaafan jika ada sebarang kekurangan dalam menganjurkan kejohanan kali ini. Semoga semua PPF Malaysia akan sentiasa memberi sokongan dalam setiap program yang dianjurkan pada masa akan datang.

LAPORAN BERGAMBAR
Kejohanan Bowling Piala YDP 2018
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia



LAPORAN BERGAMBAR
Kejohanan Bowling Piala UDP 2018
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia



LAPORAN LAB PEMURNIAN RESOLUSI DAN HALA TUJU PEMBANGUNAN PROFESION PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

1. TEMPAT & TARIKH KEJOHANAN:

Tempat : Institut Latihan KKM Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta, Perak

Tarikh : 24 – 26 April 2018

2. PENGANJUR : Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia dan Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Farmasi Kerajaan Semenanjung Malaysia (anggota Kementerian Kesihatan Malaysia)

3. LATAR BELAKANG:

3.1 Kehadiran peserta:

Penolong Pegawai Farmasi yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Universiti, dan Hospital swasta

3.2 Objektif Penganjuran :

Bengkel ini diadakan bagi membincangkan dengan lebih lanjut serta tindakan yang perlu diambil terhadap Resolusi yang telah dikenal pasti melalui Bengkel Hala Tuju Profesion Penolong Pegawai Farmasi yang telah diadakan di Pulau Langkawi, Kedah pada tahun 2016.

4. SENARAI PESERTA LAB PEMURNIAN RESOLUSI DAN HALA TUJU PEMBANGUNAN PROFESION PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

BIL	NAMA PESERTA	JAWATAN & GRED
1	PUAN SAMIDAH BINTI RAHMAT Yang DiPertua Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Pesara Penolong Pegawai Farmasi U40
2	EN MHD HASSAN ZAINI BIN SHAFIE Naib Yang DiPertua Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Pesara Penolong Pegawai Farmasi U40
3	TUAN HAJI MOHAMAD RAZAN BIN PARDI Setiausaha Kehormat Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U32 Klinik Kesihatan Yong Peng, Batu Pahat, Johor
4	CIK NOOR SHAFIZAH BINTI JAAMAT Penolong Setiausaha Kehormat Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U29 Hospital Melaka, Melaka
5	ASRUL EFFENDI BIN JAMALUDIN Bendahari Kehormat Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U32 Hospital Canceledor Tuanku Muhriz, Kuala Lumpur
6	TUAN HAJI MOHD NORFAIZ BIN ZAMAN Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U32 Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak
7	PUAN HAJAH SITI HANISAH BINTI MD SAID Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Senior Pharmacy Assistant KPJ Johor Specialist Hospital

BIL	NAMA PESERTA	JAWATAN & GRED
8	TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U32 Klinik Kesihatan Selinsing, PKD Pasir Puteh, Kelantan
9	EN SUHAIMI BIN ESA Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U32 Hospital USM, Kubang Kerian, Kelantan
10	EN MOHD FIKHRI BIN ABDULLAH Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U29 Pusat Perubatan UM, Kuala Lumpur
11	PUAN HAJAH ROSNAH BINTI MOHAMAD Juru Audit Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U32 Hospital Melaka, Melaka.
12	EN ROSMIZI BIN RAZALI Juru Audit Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U32 Klinik Kesihatan Simpang Durian, Jelebu, Negeri Sembilan
13	EN AARON A/L THOMAS MICHAEL Wakil Non-KKM / Swasta Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Pharmacy Assistant Island Hospital Penang, Pulau Pinang.
14	EN MOHAMAD IKHWAN BIN KAMARUDIN Wakil Negeri Terengganu Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia	Penolong Pegawai Farmasi U29 Klinik Kesihatan Telemong, Hulu Terengganu, Terengganu
15	TUAN HAJI RAZALEE BIN DOLLAH Naib Presiden Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U38 Hospital Raja perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan
16	TUAN HAJI ROZALI BIN JAAFAR Setiausaha Agong Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U36 Hospital Raja perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan
17	TUAN HAJI ZAINAL BIN ZOLKEFRI Bendahari Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U32 Klinik Kesihatan Green Town, Ipoh, Perak
18	TUAN HAJI BASABAH BIN IBRAHIM Exco Biro Kebajikan Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U40 Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu, Johor
19	PUAN HAJAH INTAN NORLINORA BINTI SELAMAT Exco Biro Sukan & Sosial Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U36 Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor.
20	PUAN NORZUZAWANI BINTI ZULKIFLE Exco Biro Kebajikan Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U32 Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah
21	PUAN HAJAH ZANARIAH BINTI MOHD ARIEF Exco Biro Latihan & Pendidikan Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U38 Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh , Perak
22	EN GANESAN G. NARAYANAN Ahli Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U38 Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Perak
23	EN KHALID BIN SULAIMAN Ahli Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U36 Klinik Kesihatan Jinjang, Kuala Lumpur
24	EN AZMI BIN HAMID Ahli Kesatuan Kebangsaan Penolong pegawai Farmasi Semenanjung Malaysia Barat	Penolong Pegawai Farmasi U32 Hospital Tanah Merah, Kelantan

5. HURAIAN DARIPADA BENGKEL LAB PEMURNIAN RESOLUSI DAN HALA TUJU PEMBANGUNAN PROFESION PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

Bengkel ini adalah meliputi 2 aspek iaitu Sesi Penerangan dan Perbincangan Dalam Kumpulan. Di antara sesi penerangan yang telah disampaikan adalah:

- a) Sesi Penerangan Penyediaan Kertas Kerja Perkhidmatan Skim Bersepadu Mengikut Format Bahagian Sumber Manusia KKM yang telah disampaikan oleh Puan Faridah binti Saidi, Ketua Profesion Penolong Pegawai Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b) Sesi Penerangan Penyediaan Kertas Kerja Pos Basik Mengikut Format Bahagian Pengurusan Latihan KKM yang telah disampaikan oleh En Indra Shahril bin Abdul Hamid, Penolong Pegawai Farmasi U32, Cawangan Pembangunan Profesion Penolong Pegawai Farmasi, Bahagian Dasar dan Perancangan Startegik Farmasi KKM.
- c) Sesi Penerangan Penyediaan Deskripsi Tugas Mengikut Format JPA yang telah disampaikan oleh Puan Nur Syahrina binti Ishak, Penolong Pegawai Farmasi U32, Cawangan Perundangan, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM

Tajuk-tajuk yang terdapat dalam sesi Perbincangan Dalam Kumpulan adalah:

- a) **Skim Bersepadu Profesion PPF** - Memurnikan Proposal Skim Bersepadu Profesion PPF
- b) **Mewujudkan Pos Basik / Diploma Lanjutan yang baru untuk Penolong Pegawai Farmasi**
 - Diploma Lanjutan Analisa Kimia farmaseutikal Teknik Kromatografi
 - Diploma Lanjutan Kebergantungan Substans
 - Diploma Lanjutan Sediaan Farmaseutikal (Steril & Bukan Steril)

6. RUMUSAN BENGKEL

Bengkel ini telah berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang, dengan lancar dan telah mencapai objektifnya. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua Penolong Pegawai Farmasi yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan bengkel ini.


Hasil dari semua perbincangan akan di hantar dan diteliti oleh pihak Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM untuk langkah yang seterusnya.

Semoga semua usaha yang baik ini membuahkan hasil dan akan dapat memberi manfaat kepada semua Penolong Pegawai Farmasi di seluruh Malaysia.



